



[Home](#) / [2025](#) / [June](#) / FSKM Perkasa Kesedaran Siber di Sekolah Rendah Melalui Program SULAM@Budiman

SINERGI

23/06/2025 / FSKM NEWS



KLANG, 28 Mei 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam menerusi Fakulti Sains Komputer dan Matematik (FSKM) terus memperkukuh peranan komuniti universiti dengan menganjurkan program SULAM@Budiman: Cybersecurity Awareness & Explorace: Internet Ethics, yang memberi fokus kepada pendidikan keselamatan siber di peringkat sekolah rendah.

Program berimpak tinggi ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM) dan telah melibatkan penyertaan aktif pelajar tahun akhir Program Sarjana Muda Pengkomputeran Netsentrik FSKM yang berinteraksi secara langsung dengan murid-murid KAFA Integrasi Imam Al-Ghazali, Meru, Klang. Ia dilaksanakan dengan bimbingan Puan Zatul Amilah Shaffiee dan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Budiman.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Prof. Madya Dr. Ismadi Md Badarudin, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, FSKM UiTM. Turut hadir memberi sokongan ialah Puan Noor Hazirah binti Saring@Haji Ibrahim, Setiausaha Kurikulum KAFA, dan Tuan Imran bin Kairon, Pengerusi KAFA merangkap Ketua Kampung Budiman bersama barisan guru.



Seramai 40 orang murid Tahun Enam terlibat dalam dua sesi utama: taklimat kesedaran siber dan aktiviti eksplorasi berkumpulan. Taklimat merangkumi dua modul: *Media Sosial: Guna dengan Bijak* dan *Buli Siber*, manakala sesi soal jawab turut mendapat sambutan positif daripada peserta.

Sesi kedua meriah dengan aktiviti *Explorace* yang menguji pemahaman modul melalui tiga stesen interaktif: Secure the Net, Chaotic Hacker, dan Post or Pass. Pendekatan ini membantu murid membina kesedaran untuk menggunakan internet secara selamat dan beretika.

Inisiatif ini menepati aspirasi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Ke-4 dan Ke-11 iaitu *Pendidikan Berkualiti* dan *Bandar serta Komuniti Lestari*, membuktikan peranan UiTM dalam membentuk komuniti celik teknologi secara inklusif dan berimpak tinggi.

Penulis: Zatul Amilah Shaffiei

Editor: Dr Afdallyna Fathiyah Harun, FSKM News Team

[f Share](#) [X Post](#) [in Share](#)

Tags: [TARAF SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK \(TOSKM\)](#), [Kampung Budiman](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Istiadat Konvokesyen UiTM Ke-101 Cawangan Sarawak Saksikan 'Anak Buruh' Penerima Anugerah

Inisiatif SULAM UiTM Lonjak Kepimpinan Mahasiswa FSK dan Kesedaran Kesihatan Awam

QUICK LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)
[E-Complaint](#)

HUBUNGI KAMI

Universiti Teknologi MARA (UiTM)
40450 Shah Alam, Selangor Darul
Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000

